

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

## **HMT 504 – Morfologi dan Sintaksis Lanjutan**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM [6]** soalan di dalam **LIMA [5]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Pilih mana-mana **EMPAT [4]** daripada **ENAM [6]** soalan yang terdapat dalam kertas peperiksaan ini. Setiap soalan diberi nilai markah yang sama.

1. Dalam teori "Prinsip dan Parameter" (PP) pernah dikatakan oleh Noam Chomsky (1986) bahawa teori PP terdiri daripada interaksi antara modul-modul yang secara berasingan bebas tetapi saling berinteraksi. Sehubungan dengan perkara tersebut, jawab **TIGA [3]** daripada [a], [b], [c] dan [d]:

- [a] apakah yang dimaksudkan oleh Noam Chomsky itu?
- [b] apakah antara justifikasi yang menyokong penggunaan 'modul x berpalang' dalam menjanakan ayat-ayat?
- [c] dalam kajian bahasa-bahasa, apakah maksud "kasus" dan bagaimana ia diberi dalam ayat-ayat bahasa Malaysia?
- [d] bagaimanakah "penyaring kasus" dapat berfungsi dalam penjanaan ayat-ayat bahasa Malaysia ?

[100 markah]

2. Jawab [a],[b] dan [c]:

- [a] Adakah terdapat justifikasi dalam bahasa Malaysia kategori kosong pro sebagai subjek?
- [b] Melalui contoh-contoh terangkan **TIGA** operasi "gerak α" yang berbeza lokasi pendaratannya dalam bahasa Malaysia.
- [c] Melalui contoh dan operasi terangkan perbezaan antara "kawalan subjek" (subject control) dengan "kawalan objek" (object control) dalam penjanaan ayat kompleks dalam bahasa Malaysia.

[100 markah]

3. Jawab [a] **ATAU** [b]:

- [a] Tunjukkan operasi rumus-rumus yang berikut dalam bahasa Malaysia:
  - [i] gerak wh- dan gerak wh- "in situ"
  - [ii] penaikan subjek kepada subjek
  - [iii] penaikan subjek kepada objek
- [b] Jawab [i] dan [ii]:
  - [i] Berikan **definisi** ayat pasif kemudian nyatakan kesemua ayat pasif dalam bahasa Malaysia.
  - [ii] Berikan **derivasi** setiap ayat pasif yang telah anda berikan dalam [i].

[100 markah]

4. **Keserasian** merupakan konsep penting yang digunakan untuk menyatakan maklumat tatabahasa dalam bahasa tabii. Sehubungan itu, ayat-ayat bahasa Malaysia dalam Data A yang berikut ini mengandungi maklumat berkenaan, telitikannya dan kemudian jawab soalan [i-v].

Data A.

- [a] [i] Mereka bertumbuk di padang sekolah.  
[ii] Dia bertumbuk dengan budak itu di padang sekolah.  
[iii] \*Dia bertumbuk di padang sekolah.
  - [b] [i] Kami semeja di majlis makan malam itu.  
[ii] Saya semeja dengannya di majlis makan malam itu.  
[iii] \*Saya semeja di majlis makan malam itu.
  - [c] [i] Saya nampak kad raya bergantungan di ruang tamu rumahnya.  
[ii] Saya nampak kad-kad raya itu bergantungan di ruang tamu rumahnya.  
[iii] \*Saya nampak kad raya itu bergantungan di ruang tamu rumahnya.
  - [d] [i] Baju di gedung itu cantik-cantik.  
[ii] Baju-baju di gedung itu cantik-cantik.  
[iii] \*Baju itu cantik-cantik.  
[iv] Baju itu cantik.
- [i] Nyatakan **predikat** bagi ayat [a], [b], [c] dan [d] dan nyatakan **kategori leksikalnya**.
- [ii] Nyatakan **argumen** yang serasi dengan predikat tersebut.
- [iii] Nyatakan **fungsi tatabahasa** dan **peranan semantik** bagi argumen yang serasi dengan predikat tersebut.
- [iv] Terangkan bagaimana **ciri keserasian** ditampilkan dalam data di atas?
- [v] Berikan penjelasan mengapa [a.iii], [b.iii], [c.iii], dan [d.iii] **tidak gramatis** dan yang lain-lain pula sebaliknya ?

[100 markah]

5. Satu daripada persoalan yang sudah lama terdapat dalam sintaksis bahasa Malaysia berkaitan dengan ayat-ayat yang ditampilkan dalam data yang berikut ini.

**DATA B**

- [a] Bola itu telah saya/kau/kami/dia/mereka/Ali/orang itu tendang.
- [b] Bola itu telah ditendang.  
Abu/nya/mereka/\*saya/\*ku/\*anda/\*kami.
- [c] Bola itu telah ditendang oleh.  
Abu/nya/mereka/\*ku/(?)anda/(?)saya.
- [d] \*Bola itu telah ditendang dengan kuatnya Abu/nya/saya.
- [e] \*Bola itu telah ditendang semalam Abu/nya/saya.
- [f] Bola itu telah ditendang oleh Abu semalam / dengan kuatnya.
- [g] Telah ditendang nya/\*saya/\*kau/\*mereka/\*Abu bola itu.

- [i] Huraikan persoalan tersebut dan tunjukkan mengapa ia timbul.
- [ii] Sejauh manakah teori Prinsip dan Parameter dapat membantu menyelesaikan persoalan yang anda temui dalam [i].

[100 markah]

6. Telitikan DATA C, kemudian jawab soalan [i] dan [ii]

DATA C:

- [a] Rahim<sub>i</sub> nampak dirinya sendiri<sub>i</sub> di dalam cermin.
- [b] Adib<sub>i</sub> melantik dirinya sendiri<sub>i</sub> sebagai ketua.
- [c] \*Dirinya sendiri<sub>i</sub> dilantik oleh Adib<sub>i</sub> sebagai ketua.
- [d] \*Adib<sub>i</sub> tahu Dolah<sub>j</sub> melantik dirinya sendiri<sub>i</sub> sebagai ketua.
- [e] Adib<sub>i</sub> tahu Dolah<sub>j</sub> melantik dirinya sendiri<sub>i</sub> sebagai ketua.
- [f] Dia<sub>i</sub> memaksa dirinya<sub>i</sub> bangun pagi itu.
- [g] \*[Majikan Lina<sub>j</sub>]<sub>i</sub> memperkenalkan diri<sub>j</sub> di majlis itu.
- [h] [Majikan Lina<sub>j</sub>]<sub>i</sub> memperkenalkan diri<sub>j</sub> di majlis itu.
- [i] [Majikan Lina<sub>j</sub>]<sub>i</sub> memperkenalkan dirinya<sub>i</sub> di majlis itu.
- [j] [Majikan Lina<sub>j</sub>]<sub>i</sub> memperkenalkan dirinya<sub>j</sub> di majlis itu.

- [i] Dalam teori generatif, **hubungan penaungan** dapat digunakan untuk menerangkan **hubungan perintah-k** yang memainkan peranan penting dalam pemerian sebilangan gejala sintaksis. Tunjukkan bagaimana **hubungan penaungan**, **syarat perintah-k** dan **syarat tambatan refleksif** dapat menjelaskan data di atas. (Nota: Rajah pohon mestilah disertakan)
- [ii] Ayat [j] dalam data di atas menimbulkan masalah kepada syarat tambatan refleksif yang anda bincangkan dalam [i]. Apakah masalah tersebut dan bagaimanakah anda mengatasinya?

[100 markah]